

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 02 MARCH 2017 |

Desak Majlis Peguam siasat peguam Dr. Mahathir

ilm - 2/3/2017

KUALA LUMPUR 1 Mac - Pertubuhan Minda dan Sosial Prihatin (PMSP) menggesa Majlis Peguam mengambil tindakan tatatertib terhadap peguam Tun Dr. Mahathir Mohamad, Mohamed Haniff Khatri Abdulla kerana didakwa menyebarkan fitnah serta kenyataan tidak benar mengenai kerajaan dan pemimpin dalam laman sosial Facebook miliknya.

Pegawai Tugas Khas PMSP, Shafik Abdullah berkata, beliau telah menyerahkan satu memorandum kepada Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Peguam, D. Rajen hari ini supaya satu tribunal penyiasat ditubuhkan berhubung kes itu.

“Saya tidak memberi sebarang tempoh masa kepada Majlis Peguam untuk menyiasat.

“Walau bagaimanapun, sekiranya selepas 21 hari tiada sebarang tindakan susulan diambil, saya tiada pilihan selain merujuk kes ini kepada Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria,” katanya di pekarangan pejabat Majlis Peguam di sini.

Yang hadir sama Presiden PMSP, Ramesh Rao dan Ahli Jawa-



SHAFIK ABDULLAH (dua dari kanan) menyerahkan memorandum menggesa tindakan tatatertib terhadap Mohamed Haniff Khatri Abdulla kepada D. Rajen sambil diperhatikan Ramesh Rao (kiri) dan Tan Chee Chong (kanan) di pekarangan pejabat Majlis Peguam, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/HALIM KHALID

tankuasa PMSP, Tan Chee Chong.

Menurut Shafik, siasatan terhadap peguam bekas Perdana Menteri itu perlu dilakukan mengikut Akta Profesional Un-

dang-undang 1976, Prosiding Tatatertib yang membolehkan tindakan diambil terhadap pengamal undang-undang yang melanggar etika profesionalisme peguam.

Sebagai tindakan akhir jelasnya, PMSP akan merujuk kes berkenaan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana yakin wujudnya elemen rasuah.